

26/08/2002

Tiga keluarga jadi inspirasi peneroka

Khairul Anwar Rahmat

SEBELUM menyertai tanah rancangan Felda, Osman@Hashim Ahmad mengusahakan sawah di Kampung Seputeh, Padang Sira, Kedah.

Sebagai seorang pesawah, pendapatan yang diperoleh tidaklah seberapa bagi menanggung kehidupan keluarganya.

Bagaimanapun, bersama isteri tercinta serta lapan anaknya, beliau nekad meninggalkan kampung halaman dan menyertai tanah rancangan Felda Guar Napai, Kedah pada 1960.

Sebagai peneroka, Osman mengharungi segala ranjau dan kepayahan hidup pada peringkat awal penghijrahannya.

Beliau dan isteri tekun mengusahakan ladang, di samping tidak mengabaikan tanggungjawab mendidik dan membesarkan anak-anaknya.

Pahit manis perjuangannya selama 42 tahun di tanah rancangan Felda nyata berbaloi. Beliau kini berbangga kerana enam daripada lapan anaknya berjaya mendapat pendidikan tinggi dari dalam dan luar negara.

Anak sulungnya, Rashidah, 42, adalah lulusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kini berkhidmat sebagai seorang guru. Kejayaan Rashidah memasuki institusi pengajian tinggi menjadi pencetus semangat adik-adiknya untuk turut berusaha gigih dalam pendidikan.

Selepas itu, adik-beradiknya yang lain menjejaki langkah beliau iaitu Rosli, 38, (lulusan UPM, guru), Rohanan, 36, (UTM, jurutera kimia), Sulaiman, 34, (Lakehead Universiti, Kanada; pegawai bank), Mohd Zamri, 32, (USM, doktor) dan Mohd Fizri, 27, (UIAM, eksekutif produk farmasi)

Bagi menghargai kegigihan keluarga ini, Gabungan Wawasan Generasi Felda memberi Anugerah Keluarga Cemerlang sempena Perhimpunan dan Simposium Generasi Felda SeMalaysia di UIAM, Jumaat lalu.

Anugerah itu disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain keluarga Osman, dua lagi keluarga dipilih menerima anugerah itu iaitu keluarga Allahyarham Hashim Sulaiman dan Kharidah Abd Kader (Felda Gedangsa, Hulu Selangor) dan keluarga Saaban Sirat dan Saemah Ibrahim (Felda Taib Andak, Johor).

Keluarga Hashim ialah satu antara ratusan peneroka yang menyertai Felda Gedangsa pada 1963.

Memiliki tujuh cahaya mata, pasangan suami isteri itu bersama-sama menempuh segala anak dan duri untuk mengecap kesenangan yang disediakan kerajaan.

Sebelum menjadi peneroka, Hashim ialah seorang guru sandaran di Kampung Sungai Selisik, Hulu Selangor.

Memandangkan gaji sebagai guru sandaran tidak terlalu besar, Allahyarham mengambil keputusan menyertai tanah rancangan Felda bagi membaiki kehidupan mereka sekeluarga.

Selepas meninggal dunia, isterinya, Kharidah meneruskan perjuangannya dan berusaha keras untuk memberikan pendidikan terbaik untuk anak-anak.

Baginya, hanya pendidikan cemerlang saja mampu mengubah kehidupan mereka sekeluarga.

Kini, usaha arwah suami dan Kharidah berbalas. Ketujuh-tujuh anak mereka berjaya mendapat pendidikan tinggi dan menjawat jawatan yang baik.

Anak sulung, Khairul Badri, lulusan universiti Amerika Syarikat kini pengurus di Tenaga Nasional Berhad; Yusma (Sarjana UPM, Pegawai Kanan KWSP), Suzanah (Sarjana UPM, Pensyarah Politeknik), Norita (Diploma UiTM, guru), Imran (Maktab Ipoh, guru), Norbayah (Diploma UTM, pegawai) dan Nasrun (ijazah USM, guru).

Saaban Sirat dan Saemah Ibrahim pula berasal dari Batu Pahat, Johor dan mula menyertai tanah rancangan Felde Taib Andak, Kota Tinggi, Johor pada 1963.

Hasil titik peluh, usaha berterusan dan pendidikan yang beliau dan isteri berikan, kini anak mereka menjadi kebanggaan masyarakat setempat dan idola generasi muda di tanah rancangannya.

Anak sulung, Kamaruzaman, lulusan UPM kini seorang pegawai bank; Azizah (sedang meneruskan pengajian peringkat doktor falsafah (PhD) di England), Hamidah (sedang meneruskan pengajian peringkat PhD di England), Juita (lulusan UM, doktor), Md Zaini (UKM, guru) dan Azlina (UM, doktor).